

Headline	TH bukan sekadar tabungan ibadah haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	30	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1243 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,567
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,701



KETUA Menteri, Datuk Seri Idris Haron (dua kanan) menerima cenderamata daripada Zakaria Puteh (kiri) dalam Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka di Dewan Tun Ali, Bukit Katil, Melaka, baru-baru ini.



Perladangan, hartanah, kewangan berlandaskan syariah uga jadi tumpuan

TH bukan sekadar tabungan ibadah haji

Headline	TH bukan sekadar tabungan ibadah haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	30	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,567
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,701

MUKADIMAH

PERANAN yang dimainkan oleh Lembaga Tabung Haji dalam mentadbir serta mengurus perihal jemaah haji ke tanah suci sejak tahun 1963 sememangnya banyak membantu melicinkan urusan jemaah haji.

Tabung Haji Melaka sendiri menerima mandat terbaharu apabila Ketua Menteri, **DATUK SERI IDRIS HARON**, menetapkan sasaran meningkatkan jumlah jemaah haji daripada 703 orang pada tahun lalu kepada 875 pada tahun depan iaitu kira-kira 1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di

negeri ini.

Apakah sasaran tersebut amanah yang besar dan bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh tabung haji sebagai agensi terlibat dapat menarik lebih ramai pendeposit untuk terus mendaftar dan membuka akaun bersama Tabung Haji.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA** menemu bual Pengarah Tabung Haji Melaka, **ZAKARIA PUTEH** bagi berkongsi usaha yang dilakukan, sekali gus membantu pembaca memperoleh lebih informasi mengenai Tabung Haji.



Oleh **NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA**

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN: Boleh terangkan serba ringkas tentang peranan Tabung Haji? Kerana masyarakat sekadar mengetahui aktiviti pengurusan jemaah serta simpanan bakal haji.

Zakaria: Masyarakat dan pendeposit merupakan aset penting yang menjadi pendokong kepada segala perancangan dan strategi Tabung Haji. Peranan dan sumbangan para pendeposit menjadi lebih penting sekarang, lebih-lebih lagi Tabung Haji hari ini adalah sebuah entiti Islam yang komited dengan penglibatan dalam pelbagai aktiviti urusan haji, kewangan, pelaburan dan perniagaan.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1963, Tabung Haji berjaya menguruskan simpanan pendeposit dan urusan jemaah haji setiap tahun.

Kecemerlangan ini menjadikan Tabung Haji sebagai sebuah institusi Islam yang disegani sekali gus menjadi salah satu organisasi ikon bagi masyarakat Islam di negara ini.

Tabung Haji bukan sahaja menguruskan simpanan pendeposit dan urusan haji sahaja, malah melangkah lebih jauh dengan pelaburan di beberapa sektor ekonomi seperti perladangan, hartanah, kewangan Islam dan lain-lain perkhidmatan yang berlandaskan syariah.

Apabila Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron menetapkan jumlah sasaran jemaah haji yang lebih ramai tahun depan, apa perancangan Tabung Haji Melaka?

Headline	TH bukan sekadar tabungan ibadah haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	30	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,567
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,701

Kita sebenarnya, menggalakan lebih ramai masyarakat Islam di negeri ini supaya mendaftar bukan sahaja sebagai pendeposit malah sebagai bakal haji.

Ramai yang tidak tahu sebenarnya, masa menunggu untuk mendapat giliran haji kini adalah 94 tahun. Apabila mereka mendaftar sebagai pendeposit ramai yang keliru mengingatkan diri mereka telah mendaftar sebagai bakal jemaah haji.

Oleh yang demikian, kita galakkan mereka yang mendaftar sebagai pendeposit itu mula mendaftar sebagai bakal haji dan itu mestilah mengikut syarat-syarat tertentu.

Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk mendaftar diri mereka sebagai bakal haji?

Untuk melayakkan mereka yang merupakan pendeposit mendaftarkan diri sebagai bakal haji, mereka mestilah mempunyai simpanan dalam akaun sebanyak RM1,300.

Buka akaun dengan nilai RM100 sebenarnya belum layak lagi mendaftar sebagai bakal haji.

Bagi mereka yang bekerja dan mungkin tiada simpanan, boleh menggunakan akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mendaftar haji.

Sehingga kini berapa ramai jumlah pendeposit dan perdaftar haji di negeri ini? Mungkin ada sasaran tertentu?

Mengikut rekod Tabung Haji Melaka, sehingga kini seramai 360,794 orang iaitu bersamaan 62 peratus umat Islam di negeri ini sebagai pendeposit.

Manakala jumlah pendafar haji di negeri ini pula adalah seramai 87,346 orang. Kita mahu dapat lagi 38 peratus umat Islam di negeri ini supaya menjadi pendeposit

seterusnya mendaftar haji.

Sebab itu kita galakkan ibu bapa supaya mendaftar anak-anak mereka dari peringkat bayi lagi bukan hanya sebagai pendeposit malah sebagai bakal haji memandangkan masa menunggu kini mencecah 94 tahun.

Tabung Haji juga menyusun perancangan rapi dan memberi komitmen tinggi menerusi penambahbaikan sistem dan pengurusan yang berkesan, Tabung Haji juga memberikan keyakinan kepada masyarakat Islam tentang kaedah terbaik untuk menyimpan di Tabung Haji secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji.

Nasihat kepada mereka yang ingin mendaftar haji tetapi tidak mempunyai simpanan?

Pada zaman dahulu, umat Islam berusaha gigih siang dan malam untuk mengumpul wang

bagi mencukupkan perbelanjaan ke tanah suci. Berbagai kaedah tradisional digunakan bagi mencukupkan simpanan wang pada ketika itu termasuk mencagarkan tanah pusaka, menjual binatang ternakan dan menggadaikan harta benda warisan bagi menampung perbelanjaan ke tanah suci.

Kita perlu merancang pemergian kita ke tanah suci lebih awal dengan menyimpan sedikit demi sedikit atau membuat caruman bulanan melalui potongan gaji bagi mereka yang bekerja dan berpendapatan tetap.

Bagi mereka yang mempunyai baki simpanan minima RM1,300 layak untuk mendaftar haji dan kerajaan menyedari ramai golongan berpendapatan rendah menghadapi masalah untuk mendaftar dan mendapat giliran haji kerana tidak mempunyai tabungan minima sebanyak itu.

Justeru, bagi membolehkan mereka mendaftar sebagai bakal haji, kerajaan membenarkan pencairan

KSWP membuat pendaftaran dengan mengemukakan penyata KWSP dan berurusan terus di kaunter.

Apa pendekatan lain yang dilakukan untuk menarik minat masyarakat?

Dalam meningkatkan bilangan penduduk negeri ini mendaftar sebagai pendeposit dan mendaftarkan haji, Tabung Haji Melaka be-

kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini, selain usaha yang dibuat bersama agensi kerajaan, swasta, sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Saya menyeru agar warga muslim di negara ini dapat terus membantu Tabung Haji untuk terus berkhidmat dan memperkasa ummah.

Bagi memastikan bakal haji sentiasa bersedia sebelum ke tanah suci, apa yang dilakukan bagi memberi motivasi?

Tabung Haji menganjurkan kursus-kursus haji sepanjang tahun, usaha ini dilaksanakan dengan memfokuskan pembelajaran ilmu mengenai ibadah.

Kerajaan negeri amat prihatin mengenai perkara ini demi melihat jemaah haji dari negeri ini mempunyai ilmu dan disiplin yang tinggi semasa menunaikan fardu haji di tanah suci kelak.

Dalam masa yang terdekat, Tabung Haji Melaka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), akan menganjurkan kursus haji di 11 buah masjid di seluruh negeri yang akan bermula pada 10 Disember ini hingga 2 April 2017 iaitu sebanyak 17 siri.

Selain kursus haji, Tabung Haji juga melaksanakan kursus intensif haji bagi bakal haji yang terpilih dan kursus perdana haji sebelum bakal haji berlepas ke tanah suci.



Ramai yang tidak tahu dan ingatkan apabila mereka dah buka akaun maka mereka telah mendaftar haji, sebenarnya tidak, kalau mereka buka akaun dengan nilai RM100 mereka sebenarnya belum layak lagi mendaftar sebagai bakal haji.

ZAKARIA PUTEH
Pengarah Tabung Haji